

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

These Terms and Conditions apply to the Customer who has been granted the Letter of Offer of Personal Financing-i Muamalat (*Tawarruq*).

Definitions

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the assigned meanings unless the context otherwise requires: -

"BMMB or the Bank" refers to Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] and includes its branches and its successor-in-title and assigns.

"Ceiling Profit Rate" refers to 15 percent per annum for flat rate and floating rate, calculated on a daily rest basis, which is the rate used to calculate the Bank's selling price.

"Customer" refers to the applicant or account holder(s) and including the heirs, administrators, personal representatives and successor-in-title.

"Facility" refers to the financing granted to the Customer.

"Flat Rate" refers to financing with a profit rate that will remain at a specified rate for the whole tenure of the financing. The profit is calculated based on the amount of the original financing disbursed at the beginning of the financing period.

"Floating Rate" refers to financing with a profit rate that is allowed to fluctuate with the rest of the market or along with an index. The rate may vary at periodic intervals, or in accordance with any formula in the financing agreement. The profit rate is calculated based on the prevailing Standard Base Rate (SBR) plus spread (%) per annum and shall not exceed the Ceiling Profit Rate.

"Profit Rate" refers to the profit rate applicable to the Facility as stated in the payment schedule, which expression shall, wherever the context permits, include any and such other rate which the Bank may, at any time or from time to time, impose subject to prior notice.

Terma-terma dan Syarat-syarat ("Terma") ini terpakai untuk Pelanggan yang telah diberikan Surat Tawaran bagi Pembiayaan Peribadi-i Muamalat (*Tawarruq*).

Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut membawa maksud yang berikut kecuali dinyatakan sebaliknya: -

"BMMB atau pihak Bank" merujuk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"Kadar Keuntungan Siling" merujuk kepada 15 peratus setahun untuk kadar rata dan kadar terapung, yang dikira berdasarkan baki harian, yang merupakan kadar yang digunakan untuk mengira harga jualan Bank.

"Pelanggan" merujuk kepada pemohon atau pemegang akaun dan hendaklah termasuk waris, pentadbir, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik.

"Kemudahan" merujuk kepada pembiayaan yang diberi ke Pelanggan dan diterima oleh Pelanggan.

"Kadar Rata" merujuk kepada pembiayaan dengan kadar keuntungan yang akan kekal pada kadar tertentu sepanjang tempoh pembiayaan. Keuntungan dikira berdasarkan jumlah pembiayaan asal yang dikeluarkan pada permulaan tempoh pembiayaan.

"Kadar Terapung" merujuk kepada pembiayaan dengan kadar keuntungan yang dibenarkan berubah mengikut pergerakan pasaran atau selaras dengan suatu indeks. Kadar ini boleh berubah pada selang masa tertentu atau berdasarkan formula yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan. Kadar keuntungan dikira berdasarkan Kadar Asas Standard (KAS) semasa ditambah (%) sebaran setahun dan tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling.

"Kadar Keuntungan" merujuk kepada kadar keuntungan yang dikenakan ke atas Kemudahan seperti terkandung di dalam jadual pembayaran, di mana ungkapan itu akan, jika sesuai dengan konteks, termasuk sebarang dan kadar lain yang pihak Bank boleh pada bila-bila masa atau dari

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

“**Prevailing Profit Rate**” refers to the standard or current profit rate charged by the Bank. This rate cannot exceed the Ceiling Profit Rate.

“**Letter of Offer**” refers to the offer made by BMMB to the Customer and accepted by the Customer for the Facility along with any additional supplementary offers including amendments, variations, or modifications thereof issued by BMMB and accepted by the Customer from time to time.

“**Murabahah**” refers to a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.

“**Tawarruq**” consists of two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset to a purchaser on a deferred basis and the subsequent sale involves sale of the asset to a third party on a cash basis.

“**Wa`d**” refers to a promise or undertaking, refers to an expression of commitment given by one party to another to perform certain action(s) in future; subject to Shariah principle.

“**Wakalah**” is a contract in which a party (muwakkil) authorises another party as his agents (wakil) to perform a particular task, in matters that may be delegated, either voluntarily or with imposition of fee.

For the avoidance of doubt, in this terms and conditions unless the context otherwise requires and save as specifically defined in this terms and conditions words and expressions defined in the Letter of Offer and Product Disclosure Sheet shall have the same meanings when used herein.

semasa ke semasa, tertakluk kepada notis terlebih dahulu.

“**Kadar Keuntungan Semasa**” merujuk kepada kadar keuntungan yang sedang berkuatkuasa yang dikenakan oleh Bank. Kadar ini tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling.

“**Surat Tawaran**” merujuk kepada tawaran yang dibuat oleh BMMB kepada Pelanggan untuk Kemudahan ini dengan apa-apa tawaran berikutnya termasuk sebarang pindaan, perubahan, atau pengubahsuaian yang dikeluarkan oleh BMMB dan diterima oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.

“**Murabahah**” merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin dinyatakan kepada pembeli.

“**Tawarruq**” terdiri daripada dua jual beli kontrak di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

“**Wa`d**” merujuk kepada suatu janji atau Akujanji, merujuk kepada satu ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang; tertakluk kepada prinsip Shariah.

“**Wakalah**” bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan bayaran.

Untuk mengelakkan keraguan, dalam terma dan syarat ini melainkan konteks menghendaki sebaliknya dan kecuali sebagaimana yang ditakrifkan secara khusus dalam terma dan syarat ini perkataan dan ungkapan yang ditakrifkan dalam Surat Tawaran dan Risalah Pendedahan Produk hendaklah mempunyai maksud yang sama apabila digunakan di sini.

1.0 Facility Concept

Using the *Tawarruq* concept and as follows: -

- (a) The Customer will issue the Letter of Agency Appointment (*Wakalah*) to the Bank, which contains: -

1.0 Konsep Kemudahan

Menggunakan konsep *Tawarruq* dan seperti berikut: -

- (a) Pelanggan akan mengeluarkan Surat Perlantikan Agensi (*Wakalah*) kepada pihak Bank, yang mengandungi: -

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

- (i) Purchase Request to buy Commodity (Underlying Commodity) from the Bank at a Selling Price;
- (ii) Undertaking to Purchase (*Wa`d*), undertaking to buy the Commodity from the Bank at the Selling Price after the Bank purchases such Commodity from the Commodity trader;
- (iii) Restricted Agency to Conclude Purchase, where the Customer appoints the Bank as an agent to complete the Commodity purchase and to sign on behalf of the Customer, the *Murabahah* Sale Contract; and
- (iv) Letter of Agency whereby the customer appoints the Bank as an agent to sell the Underlying Commodity to the Commodity trader upon perfection of the purchase of the Underlying Commodity through the Bank as an agent at the cost price of the Underlying Asset which is equal to the Facility Amount.

The Letter of Agency Appointment (*Wakalah*) is as per Appendix I, Letter of Offer.

- (b) Upon receiving the Purchase Request from the Customer, the Bank will purchase the Commodity from the Commodity trader at a cost equal the Facility Amount.
- (c) The Commodity trader will issue the Commodity with the certificate along with the handover instructions as proof of transfer of ownership to the Bank.
- (d) After the Undertaking to Purchase (*Wa`d*), the Bank will sell the Commodity to the Customer at the Selling Price based on the *Murabahah* concept (Commodity Cost + Profit Rate). The Customer must pay this amount in instalments or deferred payment, or by any other methods mutually agreed upon by the Bank and the Customer.
- (e) In addition to the Restricted Agency to Conclude Purchase, the Bank will complete the followings: -
 - (i) the purchase from the Bank as Principal, as an agent to the Customer and entering into a *Murabahah* Sale Contract

- (i) Permintaan Belian (Purchase Request), untuk membeli Komoditi (Underlying Commodity) dari pihak Bank pada Harga Jualan;
- (ii) Akujanji Untuk Belian (*Wa`d*) (Undertaking To Purchase), akujanji untuk membeli Komoditi dari pihak Bank pada Harga Jualan setelah pihak Bank membeli Komoditi tersebut dari pedagang komoditi;
- (iii) Perwakilan Terhad Untuk Menyelesaikan Belian (Restricted Agency To Conclude Purchase), di mana Pelanggan melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menyempurnakan pembelian Komoditi dan untuk menandatangani bagi pihak Pelanggan, Kontrak Jualan Secara *Murabahah* (*Murabahah* Sale Contract); dan
- (iv) Surat Perwakilan (Letter of Agency) yang mana pelanggan melantik pihak Bank sebagai wakilnya untuk menjual Komoditi Dasar kepada pedagang komoditi apabila pembelian Komoditi Dasar tersebut telah disempurnakan melalui pihak Bank sebagai wakilnya pada harga Kos Komoditi Dasar yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.

Surat Perlantikan Agensi (*Wakalah*) adalah seperti di Lampiran I, Surat Tawaran.

- (b) Setelah menerima Permintaan Belian daripada Pelanggan, pihak Bank akan membeli Komoditi dari pedagang komoditi pada harga kos yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.
- (c) Pedagang komoditi akan menyerahkan Komoditi dibuktikan dengan sijil beserta arahan penyerahan sebagai bukti pemindahan pemilikan kepada pihak Bank.
- (d) Selepas Akujanji Untuk Belian (*Wa`d*), pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak Pelanggan pada Harga Jualan berdasarkan konsep *Murabahah* (Kos Komoditi + Kadar Keuntungan). Pelanggan mesti membayar jumlah ini secara ansuran atau pembayaran tertunda atau apa-apa kaedah lain yang dipersetujui bersama oleh pihak Bank dan Pelanggan.
- (e) Sebagai tambahan kepada Perwakilan Terhad Untuk Menyelesaikan Belian, pihak Bank akan menyelesaikan perkara berikut: -
 - (i) pembelian Komoditi daripada pihak Bank sebagai prinsipal, sebagai wakil kepada Pelanggan dan memasuki Kontrak Jualan

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

with the Bank as the principal. The *Murabahah* Sale Contract is outlined in Appendix II of the Letter of Offer.

- (ii) If the Customer has chosen to take possession of the Commodity physically:-
1. The Customer will receive the Commodity directly from the Commodity Supplier;
 2. The Bank will not disburse the facility amount to the Customer; and
 3. If the Customer chooses to physically take possession of the Commodity, paragraph (f) below will not apply.
- (f) Upon completion of paragraph (e) and in accordance with the Letter of Agency, the Bank will then sell the Commodity to the Commodity trader at the Commodity Cost price. The Bank will then pay the proceeds of the sale which equal to the Facility Amount into the Customer's Account.

2.0 Disbursement of Facilities

The Facility will be disbursed in the following manner once the Security Documents stipulated at Clause 5.0 below have been signed and provided to the Bank and the Conditions Precedent at Clause 3.0 below have been fulfilled:-

- (a) The Facility Amount will be withdrawn/paid into the customer's Account or predefined instructions (Designated Account) for the Facility;
- (b) The Bank will deduct from the Designated Account for the payment of the Stamp Duty, Group Credit *Takafu*; and
- (c) Prior to full utilisation/disbursement, the Customer hereby acknowledges and authorises the Bank to use the facility amount under the principal of *Qard*. The Bank guarantees the full repayment of the amount and will return an equal amount to the Customer, subject to the Bank's procedures as may have been notified to the Customer.

Secara *Murabahah* dengan pihak Bank sebagai prinsipal. Kontrak *Jualan Secara Murabahah* digariskan dalam Lampiran II Surat Tawaran.

- (ii) Sekiranya Pelanggan telah memilih untuk mengambil penghantaran Komoditi secara fizikal:-
1. Pelanggan akan menerima Komoditi secara terus daripada Pembekal Komoditi;
 2. Pihak Bank tidak akan mengeluarkan jumlah kemudahan kepada Pelanggan; dan
 3. Jika Pelanggan telah memilih untuk mengambil penghantaran Komoditi secara fizikal, klausa (f) di bawah tidak akan terpakai.
- (f) Apabila perenggan (e) telah selesai dan berikutan dengan Surat Perwakilan, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pada harga Kos Komoditi. Pihak Bank kemudiannya akan membayar hasil jualan yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan ke dalam Akaun Pelanggan.

2.0 Pengeluaran Kemudahan

Kemudahan akan dikeluarkan seperti berikut apabila Dokumen Sekuriti yang ditetapkan pada Klausa 5.0 di bawah telah ditandatangani dan diberikan kepada Bank dan the Pra Syarat pada Klausa 3.0 di bawah telah dipenuhi:-

- (a) Jumlah Kemudahan akan dikeluarkan/dibayar ke dalam Akaun pelanggan atau arahan yang telah ditetapkan (Designated Account) untuk Kemudahan tersebut;
- (b) Pihak Bank akan menolak dari Akaun pelanggan yang telah ditetapkan untuk pembayaran Duti Setem, *Takafu*/Kredit Berkumpulan; dan
- (c) Sebelum penggunaan/pengeluaran penuh, Pelanggan dengan ini mengakui dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menggunakan jumlah kemudahan di bawah konsep *Qard*. Pihak Bank menjamin pembayaran balik wang secara penuh, dan akan memulangkan amaun yang sama kepada Pelanggan sewajarnya, tertakluk kepada prosedur-prosedur Bank sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan.

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

Note: *Qard* refers to a loan contract between the lender (the Customer) and the borrower (the Bank) where the borrower is bound to repay the same amount to replenish the loan from the lender.

Nota: *Qard* merujuk kepada kontrak pinjaman wang antara pemberi pinjaman (Pelanggan) kepada peminjam (pihak Bank) di mana peminjam terikat untuk membayar semula amaun yang sama sebagai ganti pinjaman dari pemberi pinjaman.

3.0 Conditions Precedent

- (a) The Bank has received the signed, stamped and returned Letter of Offer;
- (b) The Customer has signed and submitted the Letter of Agency Appointment (*Wakalah*) to the Bank;
- (c) The Customer and Guarantor (if any) have signed the statutory declaration letter confirming that they are not a bankrupt and there are no criminal or civil proceedings against them in court;
- (d) The Guarantor has signed the Letter of Guarantee as required by the Bank (if applicable);
- (e) The Customer has met all the requirements set by the Bank for the Facility specified in the Letter of Offer and the Security Documents;
- (f) The Bank accepts the proposal of *Takaful* participation as required (if applicable);
- (g) The Referral Letter or Undertaking Letter by the Employer to the Bank has been completed and submitted; and
- (h) The Bank has received the declaration and confirmation of Referral Letter or Undertaking Letter from the Employer.

3.0 Pra syarat-syarat sebelum Pengeluaran Kemudahan

- (a) Pihak Bank telah menerima Surat Tawaran yang telah ditandatangani, disetemkan dan dipulangkan kepada pihak Bank;
- (b) Pelanggan telah menandatangani dan menyerahkan Surat Perlantikan Agensi (*Wakalah*) kepada pihak Bank;
- (c) Pelanggan dan Penjamin (jika ada) telah menandatangani surat akuan berkanun yang mengesahkan bahawa mereka bukan bankrap dan tiada prosiding jenayah atau sivil terhadap mereka di mahkamah;
- (d) Penjamin telah menandatangani Surat Jaminan seperti yang dikehendaki oleh pihak Bank (jika berkenaan);
- (e) Pelanggan telah mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Bank bagi Kemudahan tersebut yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Dokumen Sekuriti;
- (f) Pihak Bank menerima cadangan penyertaan *Takaful* seperti yang diperlukan oleh pihak Bank (jika berkenaan);
- (g) Surat Arahan atau Surat AkuJanji dari Majikan kepada pihak Bank telah disempurnakan dan diserahkan kepada pihak Bank; dan
- (h) Pihak Bank telah menerima akuan terima dan pengesahan berkenaan dengan Surat Arahan atau Surat AkuJanji dari Majikan.

4.0 Waiver of Conditions Precedent

It is hereby notified and declared that the above terms are: -

- (a) for the benefits to the Bank and may be waived in whole or in part by the Bank at its sole and absolute discretion without compromising the rights of the Bank; and
- (b) such waiver shall not impair the rights to request the Customer complies with such waiver at any time.

4.0 Penepian syarat-syarat pengeluaran

Dengan ini dimaklumkan dan diisytiharkan bahawa pra syarat-syarat di atas adalah: -

- (a) bertujuan untuk manfaat pihak Bank dan boleh diketepikan secara keseluruhan atau sebahagian oleh pihak Bank tanpa menggugat hak-hak pihak Bank; dan
- (b) penepian tersebut tidak akan menggugat hak-hak untuk meminta pihak Pelanggan mematuhi penepian tersebut pada bila bila masa.

5.0 Security Documents

- (a) The Letter of Offer;
- (b) The *Tawarruq* Transaction Documents comprising the Letter of Agency Appointment (*Wakalah*) and *Murabahah* Sale Contract;

5.0 Dokumen Sekuriti

- (a) Surat Tawaran;
- (b) Dokumen Transaksi *Tawarruq* merangkumi Surat Perlantikan Agensi (*Wakalah*) dan Kontrak Jualan secara *Murabahah* (*Murabahah* Sale Contract);

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

- (c) Letter of Guarantee (if applicable);
- (d) Letter of Instruction or Undertaking Letter (that has been received and approved by Employer); and
- (e) Any documents required by the Bank which will be specified in the Letter of Offer.

- (c) Surat Jaminan (Letter of Guarantee) (jika berkenaan);
- (d) Surat Arahan atau Surat AkuJanji (yang telah diterima dan disahkan oleh Majikan); dan
- (e) Apa-apa dokumen yang difikirkan perlu oleh pihak Bank seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

6.0 Illegality

If the Bank finds that the introduction, imposition or variation of any law makes it illegal or impossible to continue providing the Facility or fulfill its obligations under this terms and conditions, including charging or receiving profit at the applicable rate, the Bank will suspend the Facility and cancel it upon notifying the Customer.

6.0 Ketidaksahan Undang-Undang

Sekiranya Bank bahawa pengenalan, pemakaian atau perubahan mana-mana undang-undang menjadikan ia menyalahi undang-undang atau mustahil untuk meneruskan penyediaan Kemudahan atau memenuhi kewajibannya di bawah terma dan syarat ini, termasuk mengecaj atau menerima keuntungan pada kadar terpakai, Bank akan menggantung Kemudahan dan membatalkannya setelah memaklumkan kepada Pelanggan.

7.0 Right to Set-off

The Bank may, with prior written notice of seven (7) days, deduct from the Customer's account for:

-
- (a) Any fees due under the Facility or any other outstanding Bank facilities; and/or
- (b) All expenses, duties, fees and other amounts arising from the Facility including *Takaful* contribution/ insurance premium and/or service charges (if any), may be debited from the account. This debit, however, shall not be considered as payment of the due amount or deemed as relief in any event of default.

7.0 Hak untuk tolakan

Pihak Bank diberi kuasa melalui notis dahuluan secara bertulis tujuh (7) hari berhak untuk menolak daripada akaun Pelanggan untuk: -

- (a) Jumlah bayaran yang kena bayar di bawah Kemudahan tersebut atau mana-mana kemudahan lain Bank yang tertunggak; dan/atau
- (b) Semua perbelanjaan, duti, yuran dan lain-lain jumlah dari Kemudahan tersebut termasuk pembayaran premium *Takaful*/insuran dan/atau caj perkhidmatan (jika ada). Dengan syarat bahawa pendebitan tersebut tidak boleh dianggap sebagai pembayaran kepada jumlah perlu dibayar atau dianggap sebagai pelepasan terhadap mana-mana keadaan kemungkiran.

8.0 Cross Default

As agreed, if the Customer breaches any terms of the Letter of Offer and/or Security Documents the Bank can enforce its remedies stated in the Letter of Offer after giving seven (7) days written notice.

8.0 Kemungkiran Silang

Seperti yang dipersetujui, jika pihak Pelanggan melanggar apa-apa terma dan syarat dalam Surat Tawaran dan/atau Dokumen Sekuriti, pihak Bank boleh menguatkuasakan remedies yang dinyatakan dalam Surat Tawaran selepas memberikan notis bertulis tujuh (7) hari.

9.0 Invalidity of Provision

If any provisions in these terms and conditions and/or the Security Documents become invalid, or unenforceable under any applicable law, the validity and enforceability of other provisions in the security documents are not affected.

9.0 Ketidaksahan Peruntukan

Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini dan/atau Dokumen Sekuriti menjadi tak sah, atau tidak dapat dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain dalam sekuriti dokumen tidak terjejas.

10.0 Fees and Charges

- (a) All reasonable payments (including legal fees) if any, related to the preparation of documents, stamp duty and registration of security documents are borne by the Customer starting from the acceptance of Letter of Offer even if the security documents are not completed in any circumstances.
- (b) Payments or costs to enforce the payment if an Event of Default occurs through any legal proceeding or appointment of solicitor is borne by the Customer.
- (c) Any payments, costs and expenses for storage, *Takaful* and any other associated costs related to the delivery of commodities, if any, will be borne by the Customer.
- (d) A *Wakalah* fee of RM 50 is charged upon the appointment of the Bank as the representative to sell the Commodity on the Customer's behalf.
- (e) Similar conditions may apply in the event of moratorium programmes due to certain situations, where the monthly payments may change under certain circumstances whereby the tenor may be extended beyond the original payment schedule. However, the total payment shall not exceed the Bank's Selling Price.

11.0 Tax

Payments, assessments and any taxes related to the Facility are fully borne by the Customer within the stipulated time.

12.0 Payment Method for Monthly Instalments

- (a) Under Cash-i Muamalat, the Monthly Instalments shall be made through salary deduction, pension/ salary transfer to Bank Muamalat, or standing instruction from the Bank whereby the Customer's salary is credited by the employer/ Interbank Giro (IBG).
- (b) If payment of the Monthly Instalment is made through salary transfer or pension and/or standing instruction, the Customer hereby authorises the Bank to make deductions on the

10.0 Bayaran dan Caj

- (a) Semua bayaran munasabah (termasuk bayaran guaman), jika ada, berkaitan dengan penyediaan dokumen, duti setem dan pendaftaran dokumen sekuriti ditanggung oleh pihak Pelanggan bermula dari penerimaan Surat Tawaran walaupun sekiranya dokumen-dokumen sekuriti tidak disempurnakan.
- (b) Bayaran atau kos untuk menguatkuasa pembayaran jika Kejadian Keingkaran berlaku melalui mana-mana prosiding undang-undang atau pelantikan peguamcara ditanggung oleh pihak Pelanggan.
- (c) Apa-apa bayaran, kos dan perbelanjaan untuk tempat simpanan, *Takaful* dan kos-kos yang berkaitan dengan penghantaran komoditi, jika ada akan ditanggung oleh pihak Pelanggan.
- (d) Fi *Wakalah* sebanyak RM 50 dikenakan apabila pihak Bank dilantik sebagai wakil untuk menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan.
- (e) Syarat yang samajuga boleh dikenakan sekiranya program moratorium disebabkan oleh situasi-situasi yang tertentu yang mana jumlah keseluruhan bilangan tempoh bayaran bulanan juga boleh berlaku perubahan dalam keadaan tertentu di mana tempoh bayaran akan dipanjangkan atau bertambah dari jadual bayaran asal. Walaubagaimanapun, jumlah keseluruhan bayaran tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.

11.0 Cukai

Bayaran, taksiran dan cukai berkaitan dengan Kemudahan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Pelanggan dan perlu dibayar dalam masa yang ditetapkan.

12.0 Cara Pembayaran Ansuran Bulanan

- (a) Di bawah Cash-i Muamalat, bayaran Ansuran Bulanan hendaklah dibuat melalui potongan gaji, pencen / pindahan gaji ke Bank Muamalat, atau arahan tetap bayaran dari Bank di mana gaji Pelanggan dikreditkan oleh Majikan / Giro Antara Bank (IBG).
- (b) Jika bayaran Ansuran Bulanan dibuat secara pindahan gaji atau pencen dan / atau arahan tetap, Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat potongan / tolakan

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

- date the salary or pension is credited to the Customer's account.
- (c) The Monthly Instalment shall be made every month starting from the month following the disbursement of the facility amount by Bank Muamalat.
- (d) Salary deduction, pension/ salary transfer, or Customer pension to Bank Muamalat/ standing instruction as stated in Clause 12 (a) above shall not be cancelled until the facility amount has been settled in full.
- (e) The Monthly Instalment must be settled personally by the Customer subject to the following conditions: -
- (i) During salary deduction process or pension/ salary transfer by employer, standing instruction, IBG as mentioned in Clause 12 (a) and accepted by Bank Muamalat.
 - (ii) Failure to execute salary deduction, pension/ salary transfer, or pension by employer, standing instruction, or IBG as mentioned in Clause 12 (a) for any reason.
- (f) For those customer who opted for Salary Transfer or Salary Deduction, the Bank reserve the right to increase/revise the rate in the event of:-
- (i) Salary Transfer or Salary Deduction is not in effect for any reason; and/or
 - (ii) Customer resign or terminated from the Employer's service for any reason;
- before the facility period ends, the Profit Rate will be increased/ revised to the Prevailing Profit Rate plus 3%, capped at the Ceiling Profit Rate, whichever is lower.
- pada tarikh gaji atau pencen dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan.
- (c) Bayaran Ansuran Bulanan hendaklah dibuat setiap bulan bermula pada bulan berikutnya selepas pengeluaran amaun Pembiayaan oleh Bank Muamalat.
- (d) Potongan gaji, pencen / pindahan gaji, atau pencen Pelanggan ke Bank Muamalat / arahan tetap seperti dinyatakan di Klausula 12 (a) tidak boleh dibatalkan sehingga amaun kemudahan tersebut selesai dibayar sepenuhnya.
- (e) Bayaran Ansuran Bulanan perlu dijelaskan sendiri oleh pelanggan tertakluk kepada keadaan-keadaan berikut: -
- (i) Semasa proses pemotongan gaji atau pencen / pindahan gaji oleh Majikan / arahan tetap, IBG seperti dinyatakan di Klausula 12 (a) dan diterima oleh pihak Bank Muamalat.
 - (ii) Kegagalan pelaksanaan potongan gaji, pencen / pindahan gaji, atau pencen oleh majikan, arahan tetap, atau IBG seperti dinyatakan di Klausula 12 (a) di atas apa jua sebab.
- (f) Bagi pelanggan yang memilih cara pembayaran melalui Pindahan Gaji atau Potongan Gaji, Bank berhak untuk meningkatkan/ menyemak semula kadar dalam keadaan berikut:-
- (i) Pindahan Gaji atau Potongan Gaji yang tidak berkuat kuasa atas apa-apa sebab; dan/atau
 - (ii) Pelanggan meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan daripada majikan atas apa-apa sebab;
- sebelum tempoh kemudahan tamat, Kadar Keuntungan akan dinaikkan/disemak semula kepada Kadar Keuntungan Semasa ditambah 3%, terhad pada Kadar Keuntungan Siling, mana-mana yang lebih rendah.

13.0 Events of Default

- (a) The Bank reserves the right to declare the Facility as cancelled and demand payment for all outstanding money for the Facility by giving seven (7) days' written notice if: -
- (i) The Customer has failed or refused to pay any instalment or any other payment under the Facility;

13.0 Keadaan kemungkiran

- (a) Pihak Bank melalui notis bertulis tujuh (7) hari berhak untuk mengisytiharkan Kemudahan adalah terbatal dan menuntut bayaran bagi semua wang tertunggak bagi Kemudahan sekiranya: -
- (i) Pelanggan gagal atau ingkar untuk membayar mana-mana ansuran atau sebarang bayaran yang lain di bawah Kemudahan tersebut;

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

- (ii) The Customer has breached any of its obligations under these terms and conditions or the Security Documents and has not rectified them within the stipulated remedy period under the Facility;
- (iii) The Customer has acknowledged in writing, that he/she is unable to pay or unable to pay the outstanding instalment to the Bank;
- (iv) Bankruptcy proceedings have been initiated against the Customer;
- (v) A distress or execution is levied or enforced upon any of the Customer's properties, or a trustee or similar official is appointed over all or a substantial part of his assets, and which materially affects the Customer's financial position and his/her ability to pay the monies owing to the Bank under this Facility and such proceedings cannot be resolved within fourteen (14) days of the date of the relevant court order for such execution or enforcement;
- (vi) Representations and warranties from the Customer to the Bank regarding the Facility have been proved false, or if repeated, have proven to be false at any time;
- (vii) If the Customer has used the Facility for non-Shariah compliant activities; and/or
- (viii) If the Customer, the Guarantor or Chargor (if applicable) dies or is declared legally insane.
- (ix) The Customer is required to within reasonable time notify the Bank in writing upon the occurrence of any of the above Events of Default,:-
 - a. Salary Transfer or Salary Deduction is not in effect for any reason; and/or
 - b. Customer resigns or is terminated from the Employer's service for any reason.

The Customer is required to within reasonable time notify the Bank in writing

- (ii) Pelanggan telah melanggar sebarang kewajipannya di bawah terma dan syarat ini atau Dokumen Sekuriti dan tidak membetulkannya dalam tempoh remedi yang ditetapkan di bawah Kemudahan;
 - (iii) Pelanggan secara bertulis, mengaku tidak mampu membayar atau tidak mampu membayar ansuran tertunggak terhadap pihak Bank;
 - (iv) Prosiding kebangkrapan telah dimulakan terhadap Pelanggan;
 - (v) Distres atau pelaksanaan dilevikan or atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana harta Pelanggan, atau pemegang amanah atau pegawai serupa dilantik ke atas semua atau sebahagian besar asetnya, dan yang menjejaskan secara material kedudukan kewangan Pelanggan dan keupayaannya untuk membayar wang yang terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan ini dan prosiding tersebut tidak dapat diselesaikan dalam empat belas (14) hari dari tarikh perintah mahkamah berkenaan untuk pelaksanaan atau penguatkuasaan sedemikian;
 - (vi) Apa-apa representasi dan waranti dari Pelanggan kepada pihak Bank mengenai Kemudahan dan pada setiap masa dalam tempoh kemudahan telah dibuktikan tidak benar dan palsu;
 - (vii) Jika Pelanggan telah menggunakan Kemudahan tersebut bagi tujuan yang menyalahi prinsip-prinsip Syariah; dan/atau
 - (viii) Jika Pelanggan, Penjamin atau Pencagar (jika berkenaan) meninggal dunia atau diistiharkan tidak waras disegi undang-undang.
 - (ix) Bagi pelanggan yang memilih cara pembayaran melalui Pindahan Gaji atau Potongan Gaji,:-
 - a. Pindahan Gaji atau Potongan Gaji yang tidak berkuat kuasa atas apa-apa sebab; dan/atau
 - b. Pelanggan meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan daripada majikan atas apa-apa sebab.
- Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank dalam masa yang munasabah secara

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

upon the occurrence of any of the above Events of Default.

(b) Remedies for claims and / or any Incidents of default

The Bank reserves the right to exercise the rights contained in the Security Documents and / or the law including the following rights and powers:-

(i) the right to sue and commence civil claims or actions to obtain all outstanding payments of the Facility or equivalent to other rights and remedies by the Bank herein or in accordance with the law;

(ii) For those customer who opted for Salary Transfer or Salary Deduction, notwithstanding to the Bank's right to declare the Facility as cancelled in Clause 13(a) above, the Bank has the right to the following:-

a. upon the occurrence of event in Clause 13(a)(i)-(viii), the Profit Rate will be increased/ revised to the Prevailing Profit Rate plus 3%, capped at the Ceiling Profit Rate, whichever is lower;

b. upon the occurrence of event in Clause 13(a)(ix), the Profit Rate will be increased/ revised to the Prevailing Profit Rate plus 3%, capped at the Ceiling Profit Rate, whichever is lower;

c. upon the occurrence of event in Clause 13(a)(i)-(ix), the Profit Rate will be increased/ revised to the Prevailing Profit Rate plus 6%, capped at the Ceiling Profit Rate.

14.0 (Ibra')/Rebate)

The Bank shall grant *Ibra'* or Rebate to the customer subject to the occurrence of certain events.

bertulis sekiranya berlaku sebarang Keadaan Kemungkinan yang tersebut di atas.

(b) Remedi-remedi atas tuntutan dan/atau mana-mana kejadian kemungkinan

Bank berhak untuk menyempurnakan hak-hak tersebut yang tersedia di bawah Dokumen Sekuriti dan/atau pada undang-undang termasuk hak-hak dan kuasa-kuasa yang berikut:-

(i) hak untuk menyaman dan memulakan dengan cara tuntutan sivil atau tindakan untuk memperoleh semua bayaran tertunggak Kemudahan atau bersamaan dengan hak-hak yang lain dan remedi-remedi oleh Bank di sini atau mengikut undang-undang;

(ii) Bagi pelanggan yang memilih cara pembayaran melalui Pindahan Gaji atau Potongan Gaji, tanpa mengambil kira hak Bank untuk mengisytiharkan Kemudahan adalah terbatal di dalam Klausula 13(a) di atas, Bank mempunyai hak seperti berikut:-

a. sekiranya berlaku kejadian-kejadian di bawah Klausula 13(a)(i)-(viii), Kadar Keuntungan akan dinaikkan/disemak semula kepada Kadar Keuntungan Semasa ditambah 3%, dihadkan pada Kadar Keuntungan Siling, mana-mana yang lebih rendah;

b. sekiranya berlaku kejadian-kejadian di bawah Klausula 13(a)(ix), Kadar Keuntungan akan dinaikkan/disemak semula kepada Kadar Keuntungan Semasa ditambah 3%, dihadkan pada Kadar Keuntungan Siling, mana-mana yang lebih rendah;

c. sekiranya berlaku kejadian-kejadian di bawah Klausula 13(a)(i)-(ix), Kadar Keuntungan akan dinaikkan/disemak semula kepada Kadar Keuntungan Semasa ditambah 6%, dihadkan pada Kadar Keuntungan Siling.

14.0 Pelepasan (Ibra')/Rebat) bagi penyelesaian awal kemudahan

Pihak Bank hendaklah memberikan *Ibra'* atau rebat kepada pelanggan tertakluk kepada kejadian tertentu

TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT
MUAMALAT PERSONAL FINANCING-i (TAWARRUQ) / PEMBIAYAAN PERIBADI-i MUAMALAT (TAWARRUQ)
Effective 15 January 2025 / Berkuat kuasa 15 Januari 2025

- (a) in the event of early settlement of the Facility by the Customer;
- (b) on its profit from the unutilised amount of the Facility;
- (c) if there is any difference between the Selling Price and the total monthly instalment payable at the end of the facility tenor (as the case may be);
- (d) Any *Ibra`* or Rebate granted by the Bank shall be deemed as final and conclusive, save and except for manifest error; and
- (e) *Ibra`* should be calculated as follows: -

Outstanding Balance (Outstanding Selling/ Sales Price)	-	Outstanding Principal Amount	-	Amount Due to the Bank ¹	-	Reduction of <i>Ibra`</i> ²
--	---	------------------------------	---	-------------------------------------	---	--

Outstanding Balance (Outstanding Selling Price)
Less Outstanding Principal Amount
Less Amount Due to the Bank¹
Less Reduction of *Ibra`*²

Note:

- (i) ¹Amount due to the Bank refers to any amount due by the Customer upon early settlement such as current month profit and/or profit in arrears (if any).
- (ii) ²Reduction of *Ibra`* refers to the cost that Customer needs to bear due to early settlement prior maturity (if applicable).
- (iii) Item (a), (b) and (d) are applicable for both flat and floating rate Facility whilst item (c) is only applicable for floating Facility and subject that there is no event of default occurring and continuing.

15.0 Late Payment Compensation (*Ta`widh*)

Notwithstanding anything contained in this Agreement, the Customer hereby undertakes to pay compensation to the Bank for any outstanding instalments and the payment of outstanding Sales Price at the date of maturity of the Facility as follows: -

- (a) For the failure to pay any Facility instalment from the date of the first use up to the date of Facility maturity, the rate of compensation to be applied is one percent (1%) per annum on

- (a) sekiranya berlaku penyelesaian awal Kemudahan oleh Pelanggan;
- (b) ke atas keuntungan daripada jumlah Kemudahan yang masih belum digunakan;
- (c) sekiranya terdapat sebarang perbezaan pada Harga Jualan dan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar pada akhir tempoh kemudahan (mengikut mana-mana yang berkenaan);
- (d) Sebarang *Ibra`* atau Rebat yang diberikan oleh Bank hendaklah disifatkan sebagai terakhir dan muktamad, melainkan dan kecuali kesilapan nyata; dan
- (e) *Ibra`* hendaklah dikira seperti yang dinyatakan di bawah: -

Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak)	-	Jumlah Prinsipal Tertunggak	-	Jumlah Terhutang kepada Bank ¹	-	Pengurangan <i>Ibra`</i> ²
---	---	-----------------------------	---	---	---	---------------------------------------

Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak)
Tolak Jumlah Prinsipal Tertunggak
Tolak Jumlah terhutang kepada Bank¹
Tolak Pengurangan *Ibra`*²

Nota:

- (i) ¹Jumlah tertunggak kepada Bank merujuk kepada apa-apa jumlah yang tertunggak oleh Pelanggan apabila berlakunya penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa dan/atau tunggakan keuntungan (jika ada).
- (ii) ²Pengurangan *Ibra`* atau Rebat merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum kematangan (jika terpakai).
- (iii) Perkara (a), (b) dan (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan kadar rata dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

15.0 Pampasan bayaran lewat (*Ta`widh*)

